

Kerajaan timbang keluarkan,

UM 12 JAN 2002

Oleh ABDUL HAMID MOHAMAD

KUALA LUMPUR 11 Jan, — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan sedang menimbang kemungkman mengeluarkan bon bagi membiayai pembelian aset Penerbangan Malaysia (MAS) yang akan dijual kepada Kementerian Kewangan Diperbadankan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak menghadapi masalah dalam perkara tersebut kerana negara ini mempunyai kedudukan kredit yang kukuh untuk mendapatkan dana bagi tujuan itu pada bila-bila masa.

"Kerajaan mempunyai banyak cara untuk mendapatkan dana (untuk membeli aset MAS), kita mungkin keluarkan bon.

"Kita juga boleh meminjam daripada punca-punca tertentu atau menjual sebahagian aset MAS," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Dewan Muda Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) di sini hari ini.

Hadir sama ialah Presiden DPMM, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin dan Pengerusi Dewan Muda Malaysia, Azlan Shah Jaffril.

Dr. Mahathir mengulas cadangan syarikat penerbangan itu untuk menjual dan kemudian memajak semula pesawat dan beberapa hartanah milik syarikat itu kepada kerajaan bagi mengumpul dana berjumlah RM6.1 bilion.

MAS mengalami kerugian sebanyak

..bon biayai pembelian aset MAS

RM700 juta untuk separuh tahun kewangan pertamanya berakhir 30 September dan telah mengunjurkan kerugian bersih kira-kira RM1.5 bilion untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2002.

Pengarah Urusannya, Datuk Md. Nor Yusof berkata, beliau yakin di bawah program penyusunan semula itu, MAS akan kembali mencatatkan keuntungan menjelang 2004.

Di bawah program itu, MAS akan menjual lapan buah pesawat, empat kompleks pejabat dan sebuah anak syarikat untuk membayar hutang dan membiayai pembelian pesawat baru.

Syarikat penerbangan kebangsaan itu juga akan kembali membuat penerbangan

ke-8 daripada 12 destinasi yang diumumkan dibatalkan perkhidmatannya 4 Oktober lalu.

Md. Nor berkata, MAS akan menjual tiga pesawat Boeing 747 sedia ada dan lima lagi pesawat sama, tiga daripadanya Boeing 747 dan dua 777 yang bakal diterima sebelum Mei ini kepada Aircraft Business Malaysia Sdn. Bhd. (ABM), sebuah jentera khas milik penuh Kementerian Kewangan.

Aset yang terlibat untuk jualan pula ialah Bangunan Ibu Pejabat MAS di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur, Kompleks Pejabat MAS di Subang, Akademi Penerbangan Malaysia di sini dan Kompleks MAS di Sepang.

MAS juga akan menjual 70 peratus kepentingan dalam MAS Catering Sdn. Bhd. (MCSB).

Md. Nor berkata, penjualan pesawat akan member&an RM3.9 bilion manakala pelupusan aset pula akan memberikan RM2.2 bilion dan bersama hasil penjualan MCSB secara keseluruhannya sekurang-kurangnya RM6.1 bilion akan dikumpul.

Daripada dana yang dikumpul ini, sejumlah RM2.4 bilion akan digunakan untuk bayaran membeli lima pesawat baru, RM1.58 bilion untuk membayar bon yen dan RM1.3 bilion untuk membayar hutang jangka pendek manakala RM820 juta untuk modal kerja.